

18 MAR 1997

Malaysia-Kuan Yew (rangkuman)

KABINET BUAT KEPUTUSAN MENGENAI PERTIKAIAN MALAYSIA-SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Mesyuarat mingguan Kabinet esok ditunggu-tunggu kerana ia akan memutuskan sama ada perbalahan diplomatik antara Malaysia dan Singapura yang berlanjutan selama seminggu akan berakhir.

Sejak perbalahan itu bermula berikutan kenyataan memburuk-burukkan Johor oleh Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, bekas Perdana Menteri Singapura itu telah memohon maaf dan bertindak untuk mengeluarkan semua kenyataan berkenaan Johor daripada afidavit mahkamah.

Bagaimanapun, belum ada keputusan sama ada kerajaan akan menerima langkah Lee itu yang menyifatkan Johor sebagai terkenal dengan "tembak menembak, samun dan rampas kereta" dalam afidavit saman malu terhadap bekas calon pembangkang Tang Liang Hong pada 27 Jan.

Hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menangguh komen ketika ditanya mengenai kenyataan Lee semalam yang mengarahkan peguamnya untuk mendapat kebenaran mahkamah mengeluarkan kenyataan yang menyinggung itu daripada afidavit.

"Kami akan mengumumkan selepas mesyuarat Kabinet esok," katanya ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan kenyataan Lee.

Semasa bercakap kepada pemberita di Jerantut sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas lawatan dua hari ke Pahang, Perdana Menteri berkata beliau diberitahu mengenai langkah terbaru Lee itu menerusi sepucuk surat yang dihantar kepadanya malam tadi.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, bagaimanapun, masih belum berpuas hati.

"Adakah ini pendirian yang sama diterima oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong?" katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar "Malaysia dan Kanada Bekerjasama Dalam Perkongsian Bistari" di Johor Baharu, hari ini.

Abdul Ghani berkata: "Kita percaya bahawa rakyat Malaysia, amnya, dan masyarakat Johor, khususnya, juga hendak tahu pendirian yang diambil oleh Hsien Loong (mengenai perkara ini)."

Afidavit itu difailkan dalam saman malu oleh Lee dan anaknya, Hsien Loong sebagai plaintif pertama dan kedua terhadap Tang.

Tang menyeberangi Tambak Johor ke Johor selepas tewas pada pilihan raya umum Singapura baru-baru ini sambil mendakwa menerima ugutan bunuh.

Ketika ditanya sama ada sikap menghormati majoriti rakyat Singapura terhadap negara jiran sudah berkurangan, Menteri Besar berkata: "Perkara ini sudah bermula sejak tahun 60-an semasa suasana perpisahan (antara Singapura dengan Malaysia) dulu. Kemudian ia berulang lagi tahun lepas dan tahun ini berulang lagi."

Bagaimanapun, Abdul Ghani berkata beliau akan menunggu keputusan Kabinet esok.

Dalam kenyataannya semalam, Lee mengulangi mohon maafnya. Katanya beliau tidak pernah berniat untuk melakukan sebarang kesalahan dan beliau telah mengarahkan peguamnya bagi mendapatkan kebenaran mahkamah untuk mengeluarkan ayat-ayat yang menyinggung itu.

Lee sebelum ini telah memohon maaf menerusi kenyataan yang dikeluarkan setiausaha akhbarannya tetapi langkah itu gagal menghentikan perasaan marah pemimpin dan anggota politik Malaysia yang mahukan Lee menarik balik kenyataan memburuk-burukkan Johor sebagai menunjukkan keikhlasannya.

Di Kuala Terengganu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid

Hamidi mengalu-alukan langkah terbaru Lee dan berkata pergerakan itu tidak mahu perbalahan itu berpanjangan.

"Kita harapkan agar apa yang telah berlaku itu menjadi pengajaran kepada semua dan semangat kejiwaan harus dipertahankan," kataya dan berharap hubungan antara Singapura dan Malaysia akan dapat diperkukuhkan lagi.

Ketua Pembangkang dan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang juga menyambut baik langkah Lee dan berkata perbalahan itu patut diselesaikan.

-- BERNAMA

TEAM AHH